

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3-5	PENUBUHAN SURUHANJAYA TVET PACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN KEMAHIRAN NEGARA	13 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
6-8	HARAP SEMUA UNIVERSITI DAPAT TAWAR PROGRAM, BUKA FAKULTI BERKAITAN	13 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
9-10	PERUNTUKAN DANA TAMBAHAN BUKA LEBIH RUANG PERKASAKAN BIDANG TVET	13 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
11-13	BEBERAPA JURUSAN IPT PERLU DISEMAK SEMULA SELARAS PERKEMBANGAN TEKNOLOGI	14 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
14-15	P10X ACADEMY SASAR LAHIRKAN LEBIH 2,000 TENAGA MAHIR TEMPATAN	17 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
16-17	KBS LATIH TENAGA PENGAJAR ILKBS KUASAI TEKNOLOGI AI	18 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
18-20	62,485 CALON LEPASAN SPM DITAWARKAN TEMPAT KE POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI	19 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
21-24	SEKTOR EDUTOURISM TUNJUK PERKEMBANGAN POSITIF, TARIK MINAT INSTITUSI PENDIDIKAN SERANTAU	19 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
25-27	PELAJAR KULINARI PERLU DIDEDAHKAN DENGAN INOVASI PERALATAN DI DAPUR	21 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
28-30	KARNIVAL PSH BAKAL JADI ACARA TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS	21 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
31-33	KK BUKIT BERUANG TAWAR KURSUS UKIRAN AIS, TARIK MINAT GOLONGAN MUDA	21 JUN 2025	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
34-35	439 PASUKAN SERTAI KEJOHANAN MALAYSIA FIRA ROBOWORLD CUP 2025	22 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
36-38	LEPASAN TVET DISARAN JADI USAHAWAN, TIDAK HANYA MAKAN GAJI	23 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
39-43	JENAYAH SOSIAL REMAJA, BUKAN SOAL SALAH SIAPA TAPI APA SOLUSINYA?	23 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
44-51	USAHA BANTERAS MASALAH BULI DALAM PELAJAR HARUS DITERUSKAN	24 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
52-58	GRADUAN MUDA PERLU CIPTA PELUANG, BUKAN HANYA MENUNGGU	25 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
59-61	UIS PERKASA PELAJAR ERA DIGITAL, SASAR JADI UNIVERSITI WAKAF PERTAMA NEGARA	25 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
62-65	KONSEP KOTA MADANI CONTOH PEMBANGUNAN BANDAR SELURUH NEGARA	26 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
66-67	PERAK MAHU PERKUKUH TVET DALAM KULINARI, JANA EKONOMI NEGERI—SAARANI	27 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
68-70	KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET PERTANIAN CECAH 81.23 PERATUS—MOHAMAD SABU	28 JUN 2025	BERNAMA ONLINE
71-73	AKADEMI VOKASIONAL MCDONALD'S MALAYSIA TAWAR AKSES PENDIDIKAN RELEVAN	30 JUN 2025	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

13 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | PENUBUHAN SURUHANJAYA TVET PACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN KEMAHIRAN NEGARA

Penubuhan Suruhanjaya TVET Pacu Transformasi Pendidikan Kemahiran Negara – Ahli Akademik

🕒 13/06/2025 09:41 PM



M A L A Y S I A

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Penubuhan Suruhanjaya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bakal memperkuat bidang kuasa serta memperluas peranan sektor itu dalam mengangkat agenda transformasi TVET di negara ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Datuk Dr Mohd Zahari Ismail berkata sekiranya direalisasikan, suruhanjaya itu boleh berfungsi sebagai badan bebas dan berautonomi dengan kuasa dalam penggubalan dasar, penetapan standard serta pemantauan pelaksanaan program TVET di seluruh negara.

Beliau berkata berbeza dengan Majlis TVET Negara yang hanya berperanan sebagai platform dasar dan penyelarasan tanpa kuasa perundangan, Suruhanjaya TVET berupaya meluluskan program, mengawal selia institusi dan menjamin kualiti pendidikan, selari dengan sistem pendidikan arus perdana.

"Ia juga mampu menyelaraskan fragmentasi sistem TVET yang ketika ini melibatkan pelbagai kementerian, di samping memastikan kolaborasi antara industri, institusi dan kerajaan dapat dilaksanakan secara lebih konsisten," katanya kepada Bernama.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya TVET sebagai langkah memastikan pendidikan TVET dapat diperkasakan lagi.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohamad Sattar Rasul Pengerusi Pusat Kajian Pembudayaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Universiti Kebangsaan Malaysia berpandangan, suruhanjaya itu akan membolehkan pemantauan pelaksanaan program TVET dibuat dengan lebih berkesan.

"Kuasa memantau pelaksanaan TVET dalam negara sangat penting untuk mengharmonikan sistemnya kerana banyak program yang dijalankan oleh pelbagai kementerian kini saling bersaing antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata penubuhan suruhanjaya tersebut akan menjadikan landskap pendidikan dan latihan teknikal negara lebih teratur dan efisien.

Mohamad Sattar turut menyifatkan bidang TVET sebagai pemacu utama ekonomi pada masa depan, selain menawarkan peluang pekerjaan luas untuk generasi akan datang.

Sementara itu, Pengarah Utama, Pejabat Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Amir Akramin Shafie mencadangkan supaya keahlian anggota Suruhanjaya TVET perlu bersifat inklusif berdasarkan merit dan kepakaran serta tidak mendominasi satu sektor sahaja.

Menurutnya, keanggotaan suruhanjaya perlu melibatkan tokoh akademik, wakil industri dan dewan perniagaan, perancang ekonomi dan tenaga buruh, wakil institusi TVET awam dan swasta, pakar digitalisasi serta wakil komuniti.

Cadangan itu disokong Presiden Persatuan Pegawai Latihan Vokasional Malaysia Sarudin Rohseli yang menegaskan bahawa hala tuju latihan kemahiran hanya akan kekal relevan dan berkesan sekiranya suruhanjaya dianggotai individu yang benar-benar terlibat secara langsung dalam bidang tersebut.

"Keahlian perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya 10 hingga 20 orang yang aktif dalam latihan kemahiran. Kita tidak perlukan terlalu ramai profesor atau jurutera bertauliah kerana mereka cenderung kepada pendekatan akademik semata-mata," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | HARAP SEMUA UNIVERSITI DAPAT TAWAR PROGRAM, BUKA FAKULTI BERKAITAN

Harap Semua Universiti Dapat Tawar Program, Buka Fakulti Berkaitan AI – Zambry

🕒 13/06/2025 07:16 PM



Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

TAWAU, 13 Jun (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi mahu semua universiti di negara ini menawarkan program-program atau menubuhkan fakulti berkaitan bidang kecerdasan buatan (AI) bagi persediaan terhadap permintaan bakat AI yang semakin meningkat dalam pelbagai industri.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata Universiti Teknologi Malaysia menjadi perintis pendidikan AI dengan penubuhan Fakulti AI pertama.

"Kita umumkan supaya semua universiti dapat menawarkan dan membuka fakulti serta program berkaitan AI, dan kerajaan akan terus memantau perkembangan terkini mengenai AI.

"Selain AI, kita juga ada satu lagi perkembangan terkini iaitu dalam bidang Teknologi Kuantum," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis watakah pelantikan pengerusi jawatankuasa penasihat kolej komuniti negeri Sabah, di sini hari ini.

Zambry berkata Kementerian Pendidikan Tinggi juga bersedia menyediakan kursus-kursus berkaitan AI di kolej komuniti di negara ini.

"Jadi kolej komuniti bukan sahaja tidak akan terikat dengan kandungan kursus yang *rigid*, malah akan terbuka kepada bidang-bidang terkini. Ini membolehkan graduan mendapat penerimaan kerana kemahiran mereka seiring dengan permintaan pasaran kerja," katanya.

Selain itu, Zambry berkata kerajaan akan mengkaji semula sama ada untuk meneruskan kolej komuniti yang tidak aktif atau meneliti semula program-program yang ditawarkan di kolej komuniti berkenaan.

"Ini kerana terdapat kawasan-kawasan tertentu yang menawarkan program-program yang kurang sesuai dan tidak mendapat sambutan daripada masyarakat atau pelajar-pelajar setempat," katanya.

Sementara itu, beliau berharap masalah bekalan air di Universiti Malaysia Sabah dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan negeri, memandangkan kementerian dan kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan RM5 juta termasuk untuk pembinaan paip bawah tanah.

“Di peringkat UMS, kita tidak menghadapi masalah, tetapi mungkin terdapat isu-isu teknikal lain, dari segi saluran atau penyediaan kuantiti air yang diperlukan untuk paip-paip utama yang perlu disambungkan ke universiti,” katanya lagi.

Zambry turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM50,000 kepada setiap sembilan kolej komuniti di Sabah untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | PERUNTUKAN DANA TAMBAHAN BUKA LEBIH RUANG PERKASAKAN BIDANG TVET

Peruntukan Dana Tambahan Buka Lebih Ruang Perkasakan Bidang TVET

🕒 13/06/2025 03:46 PM



Gambar fail Bernama

MELAKA 13 Jun (Bernama) -- Peruntukan tambahan RM10juta bagi pembangunan program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Melaka dilihat bakal membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada kerajaan negeri untuk memperkasakan bidang tersebut.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata ia sekali gus menjadi platform terbaik kepada kerajaan negeri yang menyasarkan menjadikan Melaka sebagai pusat TVET negara pada masa hadapan.

"Alhamdulillah kita sangat berterima kasih kepada kerajaan persekutuan atas peruntukan tambahan itu, dan ia akan digunakan bagi memacu pembangunan pendidikan TVET di Melaka.

"Ini adalah antara usaha dalam membuka lebih banyak ruang kepada anak tempatan atau dari di luar Melaka untuk akses pendidikan TVET di Melaka sendiri memandangkan ia merupakan antara sasaran kerajaan negeri untuk menjadikan Melaka sebagai pusat pendidikan TVET negara," katanya kepada Bernama.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta kepada Majlis TVET Negara dan RM10 juta kepada kerajaan Melaka, khusus bagi memperkasa pembangunan keusahawanan TVET.

Pengumuman itu dibuat ketika beliau merasmikan Majlis Sambutan Hari TVET Negara 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh semalam.

Sementara itu Khaidhirah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis TVET Melaka berkata dana tambahan itu juga akan menjadi platform kepada Majlis TVET Melaka dan Jawatankuasa Kerja TVET Melaka untuk memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama dengan lebih banyak pihak berkepentingan dalam bidang TVET ini termasuk institusi, NGO dan agensi kerajaan.

Sementara itu mengulas mengenai Hari TVET Negara 2025 yang berakhir hari ini, beliau berkata program tersebut berjaya mencapai sasaran dengan lebih 120,000 orang hadir, sekali gus memberi gambaran bidang TVET semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar serta dijadikan platform untuk membina kejayaan di masa hadapan.

"Kita menyasarkan sekurang-kurangnya 100,000 pengunjung dan Alhamdulillah, untuk hari ini (hari terakhir) jumlah tersebut telah melepasi sasaran iaitu melebihi 120,000 setakat tengah hari ini," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

14 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | BEBERAPA JURUSAN IPT PERLU DISEMAK SEMULA SELARAS PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

Beberapa Jurusan IPT Perlu Disemak Semula Selaras Perkembangan Teknologi – Zambry

🕒 14/06/2025 02:19 PM



Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (tengah) ketika melawat karnival Majlis Perasmian Karnival Nasional Kementerian Pendidikan Tinggi di MITEC hari ini.

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Beberapa jurusan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlu disemak semula dengan mengambil kira perkembangan teknologi semasa, khususnya bidang kecerdasan buatan (AI).

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata penilaian semula itu penting memandangkan terdapat fakulti atau jabatan yang ditubuhkan sekitar dua hingga tiga dekad lepas berasaskan keperluan pasaran pada masa berkenaan.

"Ya, akan ada kursus-kursus yang perlu ditinjau semula kerana terdapat fakulti atau jabatan tertentu yang ditubuhkan sekitar 20 hingga 30 tahun lepas. Ketika itu, keperluan industri berbeza berbanding sekarang.

"Bukan semua jurusan perlu diubah. Sebagai contoh, Fakulti Sains Komputer secara umum, tetapi pendekatan pembelajarannya sekarang sudah berbeza. Kita minta semua universiti supaya melihat semula jurusan itu dalam konteks semasa termasuk AI," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Kerjaya Nasional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2025 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KPT Datuk Dr Anessee Ibrahim.

Mengulas mengenai kadar kebolehpasaran graduan di negara ini, Zambry berkata secara keseluruhannya ia berada pada sekitar 92 peratus.

"Kita sedang berusaha menangani isu *underemployment*. Program seperti hari ini diadakan untuk membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada graduan dan pencari kerja supaya mereka dapat bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan kelayakan dan kepakaran masing-masing," katanya

Dalam pada itu, Anessee dalam ucapannya berkata karnival kerjaya berskala besar anjuran KPT adalah antara aktiviti kemuncak dalam Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021-2025 yang kini memasuki fasa akhir pelaksanaan.

"Pelan baharu PSKG 2026-2030 sedang dibangunkan selaras dengan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025-2035 yang dijangka dilancarkan tidak lama lagi.

"Antara fokus utama pelan baharu termasuk melahirkan graduan berteraskan nilai, meningkatkan prestasi akademik serta memperkasakan institusi pengajian tinggi ke peringkat global," katanya.

Karnival Kerjaya Nasional KPT 2025 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, mengumpulkan lebih 100 syarikat terkemuka tempatan daripada pelbagai sektor utama, antaranya investED, Bank Negara Malaysia, Malaysia Airports Holdings Bhd, Paynet, Infineon Technologies, IJM Corporation Bhd, SD Guthrie Bhd, dan Tenaga Nasional Bhd.

Terdahulu, Zambry menyaksikan pemeteraian dua memorandum persefahaman (MoU) antara KPT dengan ACCA Malaysia serta Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

MoU itu bertujuan memperkukuh kerjasama antara IPT dengan badan profesional dan industri, khususnya dalam bidang perakaunan dan kewangan serta pengangkutan rel.

Beliau turut menyerahkan cek cura bagi pelaksanaan Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTiP) yang diluluskan kepada tiga penerima, iaitu The Chartered Institute of Logistics and Transport, ACCA Malaysia, dan MRL, dengan nilai keseluruhan RM13,313,200.

-- BERNAMA

BERNAMA

17 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | P10X ACADEMY SASAR LAHIRKAN LEBIH 2,000 TENAGA MAHIR TEMPATAN



PUTRAJAYA, 17 Jun (Bernama) -- Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) swasta P10X Academy Sdn Bhd menyasarkan lebih 2,000 tenaga mahir tempatan dapat dilahirkan dalam tempoh lima tahun selaras dengan pelan pengembangannya ke Johor dan Sarawak.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas P10X Academy William Lee berkata akademi itu bukan sahaja menawarkan latihan teknikal malah berhasrat membina laluan kerjaya dan keusahawanan baharu untuk golongan muda.

"Ini (sasaran lahirkan tenaga mahir) bukan sekadar angka tetapi satu komitmen besar kami untuk membentuk tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dalam bidang kecantikan automotif.

"Kami ingin melahirkan tenaga kerja mahir yang bukan sahaja profesional tetapi juga mampu membuka peluang kerjaya dan perniagaan, terutamanya kepada belia dan komuniti di kawasan desa dan wilayah," katanya pada majlis pelancaran P10X Academy Sdn Bhd oleh Menteri Sumber Manusia Steven Sim di sini hari ini.

Beliau berkata pihaknya komited menjayakan agenda TVET selaras dengan kerajaan dalam membentuk ekosistem TVET nasional yang terangkum.

"TVET terutama dalam bidang kecantikan automotif mempunyai potensi sangat besar dan mendapat permintaan tinggi," katanya menambah, bidang ini bakal menjadi pemacu kepada ekonomi negara.

P10X Academy yang ditubuhkan pada 2023, merupakan institusi TVET memberi tumpuan kepada latihan teknikal dalam bidang pemasangan cermin gelap, aksesori kenderaan dan penjagaan cat.

-- BERNAMA

BERNAMA

18 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | KBS LATIH TENAGA PENGAJAR ILKBS KUASAI TEKNOLOGI AI

KBS Latih Tenaga Pengajar ILKBS Kuasai Teknologi AI

🕒 18/06/2025 04:51 PM



Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh (kanan) ketika membuat lawatan pada Program Latihan Microsoft AI for My Future yang melibatkan pengajar Institut Latihan Kemahiran Belia dan sukan (ILKBS) di Kementerian Belia dan Sukan hari ini.

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melangkah setapak ke hadapan dalam memperkasa Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) apabila melatih tenaga pengajar Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) untuk menguasai teknologi kecerdasan buatan (AI).

Menterinya Hannah Yeoh berkata latihan dua hari yang bermula semalam itu dilaksanakan hasil kerjasama strategik antara kerajaan dan sektor swasta membabitkan Microsoft, Biji-Biji Initiative serta Mereka Academy, tanpa melibatkan sebarang kos.

"Tenaga pengajar ILKBS ini akan membimbing pelajar TVET untuk mendalami pengetahuan dalam bidang baharu. Projek ini juga menunjukkan penggunaan AI mampu menjimatkan lebih 88.9 peratus masa dalam penyediaan bahan pengajaran seperti pelan pembelajaran dan kuiz," katanya pada sidang media selepas menghadiri program *Microsoft AI For My Future* di sini hari ini.

Beliau berkata maklum balas peserta turut menunjukkan bahawa penyediaan bahan pengajaran yang sebelum ini mengambil masa sehingga dua minggu, kini dapat disiapkan hanya dalam beberapa minit.

Hannah turut memaklumkan bahawa seramai 147 tenaga pengajar ILKBS mengikuti latihan berkenaan secara fizikal dan dalam talian, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah menyertai tiga siri latihan terdahulu kepada 287 orang.

"Usaha ini dijangka memberi manfaat langsung kepada lebih 30,000 pelajar ILKBS di seluruh negara," katanya.

Mengulas lanjut, Hannah berkata KBS merancang untuk memperluaskan inisiatif tersebut ke sektor sukan, termasuk memberi peluang kepada bekas atlet negara untuk mempelajari kemahiran baharu melalui kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

"Kita ada ramai bekas atlet yang sudah bersara dan tidak lagi aktif. Jika mereka didedahkan kepada kemahiran seperti AI, mungkin mereka mampu menyumbang semula berdasarkan kepakaran dan pengalaman masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

19 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | 62,485 CALON LEPASAN SPM DITAWARKAN TEMPAT KE POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

62,485 Calon Lulusan SPM Ditawarkan Tempat Ke Politeknik Dan Kolej Komuniti

🕒 19/06/2025 03:06 PM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Sebanyak 62,485 calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berjaya mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke politeknik dan kolej komuniti bagi kemasukan program diploma, sijil dan asasi Sesi I: 2025/2026 melalui permohonan sistem UPUOnline.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan 2,288 calon ditawarkan mengikuti program Asasi Teknologi Kejuruteraan di 10 politeknik bagi sesi berkenaan.

Pada sesi sama, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut menawarkan tempat kepada 360 pelajar, khusus kepada warga Sarawak untuk mengikuti tiga program Sijil Kejuruteraan di Politeknik Mukah, Sarawak.

"... manakala 1,554 calon lepasan SPM (bukan tahun semasa) dan selain SPM yang memohon melalui eBorang MyPolyCC turut ditawarkan mengikuti program diploma dan sijil di politeknik serta kolej komuniti," katanya.

Dalam pada itu, 43 calon lagi ditawarkan mengikuti pengajian lima program sijil khas di politeknik yang direka khusus untuk kumpulan pelajar berkeperluan khas (OKU) masalah pendengaran dan pembelajaran.

Sebanyak 3,861 calon turut mendapat tawaran pengajian dengan tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KPT dan Dermasiswa My Brighter Future Yayasan Tenaga Nasional.

KPT memaklumkan calon yang bersetuju menerima tawaran perlu melaksanakan proses pengesahan mulai semalam hingga 25 Jun di pautan <https://ambilan.mypolycc.edu.my> dan boleh mencetak surat tawaran setelah pengesahan dilakukan.

Tarikh pendaftaran pelajar baharu program asasi adalah pada 7 Julai, manakala bagi program diploma dan sijil masing-masing pada 27 dan 28 Julai di 36 politeknik dan 103 kolej komuniti seluruh negara.

"Calon yang tidak berjaya atau mendapat tawaran pengajian peringkat sijil bagi permohonan melalui sistem UPUOnline, permohonan rayuan boleh dibuat melalui pautan <https://upu.mohe.gov.my>.

"... manakala, permohonan rayuan bagi calon yang memohon melalui sistem eBorang MyPolycc boleh dibuat melalui pautan <https://ambilan.mypolycc.edu.my>," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

19 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | SEKTOR EDUTOURISM TUNJUK PERKEMBANGAN POSITIF, TARIK MINAT INSTITUSI PENDIDIKAN SERANTAU

Sektor Edutourism Tunjuk Perkembangan Positif, Tarik Minat Institusi Pendidikan Serantau

🕒 19/06/2025 09:41 AM



LANGKAWI, 18 Jun (Bernama) -- Sektor pendidikan pelancongan atau edutourism di negara ini menunjukkan perkembangan positif apabila terdapat institusi pendidikan tinggi khususnya di rantau ASEAN menunjukkan minat terhadap pakej pembelajaran berkonsepkan pelancongan kepada pelajar.

Pengarah Langkawi Tourism Academy@Kolej Komuniti Langkawi (LTA) Rohana Sahak berkata ia susulan inisiatif pelbagai pihak yang giat mempromosikan pakej pembelajaran berkonsepkan pengalaman sebenar kepada pelajar tempatan dan antarabangsa.

"LTA menawarkan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang hospitaliti khususnya bidang perhotelan dan pelancongan yang mendapat sambutan pelajar di rantau ini.

"Kami telah menerima sekumpulan 15 pelajar daripada Songkhla Rajabhat University, Thailand yang telah berjaya menamatkan program Lets Go Langkawi Edutourism Geopark Odyssey yang berkonsepkan edutourism di LTA.

"Hasil daripada program ini dilihat sangat memberangsangkan dan berharap akan dapat mengadakan kerjasama lebih jauh selepas ini khususnya dengan institusi di rantau ASEAN," katanya selepas Program Bridging ASEAN Higher Education Session di MAHA Tower di sini, hari ini.

Menurut Rohana pakej edutourism berupaya memberi pendedahan kepada pelajar luar negara mengenai pertukaran budaya, bahasa dan pengalaman komuniti dalam bidang hospitaliti.

"Program ini juga dijayakan dengan kerjasama pihak pemain industri pelancongan dan untuk program bersama Rajabhat ini kami mendapat kerjasama Dreamz Travel Sdn Bhd," katanya.

Menurutnya program edutourism adalah di bawah seliaan Unit Pengantarabangsaaan Bahagian Koordinasi TVET Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memperkasakan bidang hospitaliti di rantau ini.

Katanya lagi edutourism kini merupakan satu daripada segmen penting dalam merancakkan pelancongan berkualiti serta menyokong aspirasi Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS) Novie Tajuddin berkata sebagai pemudah cara untuk pelajar antarabangsa, pihaknya menyediakan Pusat Ketibaan Pelajar Antarabangsa (ISAC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 sebelum mereka melepasi kaunter Jabatan Imigresen.

"ISAC merupakan inisiatif yang pertama di dunia khusus untuk pelajar antarabangsa yang datang ke negara ini dan staf di kaunter kami bertugas 24/7.

"Selain itu, kolaborasi institusi pendidikan tinggi dengan luar negara (*transnational education*) juga memberi ruang dan pilihan kepada pelajar luar untuk datang ke sini terlebih dahulu sebelum meneruskan pengajian di negara lain," katanya sambil menambah ketika ini terdapat 137,000 pelajar antarabangsa di negara ini.

EMGS merupakan agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang bertanggungjawab terutamanya bagi memudahkan pemprosesan visa untuk semua pelajar antarabangsa dan mempromosikan Malaysia sebagai hab global bakat dan pengetahuan.

Beliau turut berkata sempena Kepengerusian ASEAN, beberapa inisiatif turut diperkenalkan khusus untuk pelajar antarabangsa dari negara ASEAN.

“Antaranya Graduate Pass yang memberikan kemudahan visa kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di Malaysia,” katanya.

Selain itu, Novie berkata EMGS berhasrat untuk meningkatkan kerjasama serantau, khususnya dari negara ASEAN ke suatu tahap yang lebih tinggi melalui program mobiliti pelajar dan program pendanaan biasiswa.

Terdahulu pada majlis tersebut, Malaysia dan Republik Demokratik Timor-Leste turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi, sempena Sidang Meja Bulat Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi ASEAN 2025 di sini.

MoU tersebut ditandatangani Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Budaya Timor-Leste José Honório da Costa Pereira Jerónimo, yang memberi tumpuan kepada kolaborasi strategik dalam bidang pendidikan tinggi yang berpotensi membuka lebih banyak peluang bermanfaat kepada kedua-dua negara.

Antara bidang kerjasama dalam MoU itu termasuk TVET, sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, teknologi pendidikan baharu serta pelaksanaan program latihan dan kursus bagi tenaga pengajar akademik.

-- BERNAMA

BERNAMA

21 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | PELAJAR KULONARI PERLU DIDEHAKAN DENGAN INOVASI PERALATAN DI DAPUR

Pelajar Kulinari Perlu Didedahkan Dengan Inovasi Peralatan Di Dapur

🕒 21/06/2025 04:46 PM



ALOR GAJAH, 21 Jun (Bernama) -- Bidang kulinari kini bukan sahaja bertumpu pada evolusi dan inovasi menu, kaedah dan bahan masakan namun turut meliputi aspek peralatan yang digunakan di dapur.

Presiden Persatuan Cef Melaka Cef Rizwandy Perin berkata tidak kira di dapur hotel, restoran atau di rumah sendiri, peralatan memasak seperti dapur memasak, mesin mengacau atau ketuhar kini semakin canggih, selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan di dapur tukang masak.

"Bidang kulinari tidak terlepas daripada memasuki fasa memerlukan peralatan canggih dan kerana itu pelajar-pelajar bidang masakan ini perlu diberi pendedahan seawal mungkin dalam penggunaan peralatan canggih, bagi memudahkan mereka menggunakannya apabila bekerja dalam industri yang sebenar.

"Saya lihat pertandingan seperti Cabaran Masakan Melaka 2025 ini, mampu menjadi platform dalam membuka peluang dan ruang buat para peserta dan pelajar terutama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), merasa pengalaman sebenar menggunakan dapur dan peralatan canggih yang ditaja oleh beberapa syarikat terkemuka," katanya ketika ditemui pemberita di Cabaran Masakan Melaka 2025 yang berlangsung di Freeport A'Famosa Outlet, di sini.

Rizwandy berkata antara peralatan yang menjadi tumpuan peserta dan pelajar sepanjang tiga hari pertandingan yang berakhir hari itu ialah dapur memasak dan peralatan bernilai RM50,000 hingga RM80,000 termasuklah ketuhar gabungan yang memudahkan kerja-kerja menyediakan pelbagai menu dalam masa yang singkat.

"Dengan peralatan ini juga, ia secara tidak langsung membuka minda pelajar kulinari ini untuk berinovasi mencipta peralatan dapur yang lebih canggih, mudah dan mesra penggunaan pada masa hadapan dan ini semua dapat dilakukan dengan mendedahkan mereka dalam persekitaran yang tepat seperti pertandingan sebegini," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pertandingan yang memasuki tahun ketiga tersebut, Rizwandy berharap lebih banyak pihak tampil bekerjasama menjayakan cabaran kulinari yang diiktiraf oleh Persatuan Pertubuhan Chef Dunia (WACS) malah berjaya menarik perhatian juri profesional dari Thailand, Jerman, United Kingdom, Indonesia dan Itali.

Beliau berkata perkara itu penting kerana selain platform pendedahan kepada peserta, ia akan turut membantu mempromosi Melaka sebagai lokasi pelancongan kulinari memandangkan kehadiran peserta dan chef profesional yang bertindak sebagai juri di pertandingan tersebut.

"Kita menyasarkan sekurang-kurangnya seribu penyertaan atau lebih ramai pada edisi keempat nanti berbanding tahun ini iaitu 500 peserta dan paling utama manakala kerjasama pihak kerajaan negeri terutama Badan Promosi Pelancongan malah Majlis TVET negeri dapat dipertingkatkan, memandangkan ia selaras hasrat kerajaan untuk melahirkan seramai mungkin pelajar daripada program TVET.

"Saya percaya kerjasama ini dapat membantu pelajar TVET yang berada dalam bidang kulinari ini memperoleh pendedahan yang bukan sahaja di tahap negeri atau negara, malah bertaraf antarabangsa memandangkan peserta yang berpotensi ini akan kita bawa bertanding pula pada pertandingan antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

21 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | KARNIVAL PSH BAKAL JADI ACARA TAHUNAN KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS

Karnival PSH Bakal Jadi Acara Tahunan Kolej Komuniti Pasir Mas

🕒 21/06/2025 07:13 PM



KOTA BHARU, 21 Jun (Bernama) -- Kolej Komuniti Pasir Mas akan menjadikan Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dianjurkan hari ini sebagai acara tahunannya dalam usaha menyokong pembangunan sosioekonomi setempat menerusi pendidikan dan latihan.

Pengarahnya, Fathuddin Aizat Che Mohd Ariff berkata ia susulan karnival itu mendapat penyertaan aktif komuniti setempat merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk ibu tunggal.

Beliau berkata program itu dilaksanakan sempena Minggu Latihan Kebangsaan hasil kerjasama strategik bersama Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) di bawah Kementerian Sumber Manusia, sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memperkukuh budaya PSH ke arah mencapai aspirasi Malaysia MADANI.

"Lima kursus kemahiran jangka pendek telah ditawarkan sepanjang karnival berlangsung di kampus Kolej Komuniti Pasir Mas, iaitu kursus penghasilan pastri lapis (*puff pastry*), pengenalan aplikasi Canva, penghasilan sabun pencuci pakaian, kursus penjagaan dan rawatan wajah selain kursus penghasilan jambak bunga (*surprise bouquet*).

"Program berkenaan berjaya menarik penyertaan komuniti setempat termasuk golongan belia, suri rumah dan ibu tunggal yang hadir untuk menimba ilmu baharu secara praktikal dan interaktif," katanya dalam kenyataan hari ini.

Fathuddin Aizat berkata penganjuran karnival itu merupakan bukti komitmen Kolej Komuniti Pasir Mas dalam mendekatkan institusi pendidikan dengan masyarakat.

"Kami percaya bahawa ilmu dan kemahiran harus dapat diakses oleh semua tanpa mengira umur atau latar belakang.

"Melalui pendekatan yang inklusif dan fleksibel, kami berhasrat untuk menjadikan Kolej Komuniti sebagai pusat kecemerlangan Pembelajaran Sepanjang Hayat di daerah ini," katanya.

Beliau berkata sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta menunjukkan masyarakat kini semakin sedar akan keperluan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam dunia yang sentiasa berubah dan mencabar.

Menurutnya penganjuran karnival itu juga selaras dengan matlamat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam memperkukuh peranan Kolej Komuniti sebagai agen pemangkin pembangunan modal insan dan transformasi ilmu di peringkat akar umbi.

"Kita bercadang menjadikan program seumpama ini sebagai acara tahunan berimpak tinggi yang mampu memperluas jaringan kerjasama strategik bersama komuniti, industri dan agensi berkaitan serta menyokong pembangunan sosioekonomi setempat melalui pendidikan dan latihan," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

21 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | KK BUKIT BERUANG TAWAR KURSUS UKIRAN AIS, TARIK MINAT GOLONGAN MUDA

KK Bukit Beruang Tawar Kursus Ukiran Ais, Tarik Minat Golongan Muda

🕒 21/06/2025 08:28 PM



ALOR GAJAH, 21 Jun (Bernama) -- Seni ukiran ais sering menjadi tarikan utama majlis rasmi, perkahwinan eksklusif atau pelancaran produk bagi memberi sentuhan visual unik dan memukau selain dilihat sebagai lambang kemewahan.

Walaupun permintaan seni itu dalam industri hospitaliti sentiasa tinggi, pensyarah kulinari Kolej Komuniti (KK) Bukit Beruang Mohd Farid Yusoff berkata jumlah pengukir ais profesional di negara ini tidak ramai sehingga mereka sentiasa menjadi rebutan.

"Pengukir ais profesional di Malaysia tidak sampai 10 orang dan kita perlu berusaha melahirkan lebih ramai individu mahir dalam bidang ini bagi memenuhi pasaran selain untuk menjadi pelapis kepada pengukir ais ternama Malaysia yang mewakili negara pada pertandingan dunia," katanya.

Berbeza dengan negara luar yang mempunyai platform latihan dan pertandingan rasmi untuk pengukir ais, beliau berkata Malaysia belum memiliki kemudahan itu walaupun terdapat ramai pengukir berpotensi termasuk mereka daripada bidang kulinari institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Beliau yang ditemui pemberita pada Cabaran Masakan Melaka 2025 di sini hari ini, berpandangan bahan mentah dan kos peralatan seperti mesin pemotong ais dan bilik beku mungkin menjadi penghalang institusi pengajian untuk menawarkan kursus ukiran ais.

"Disebabkan itu, KK Bukit Beruang mengambil inisiatif menawarkan kursus jangka pendek berkaitan ukiran ais peringkat sijil bagi menarik lebih ramai golongan muda menceburi dan mendalami kemahiran ini.

"Kita cuba mempopularkan seni ukiran ais kerana ini juga sebahagian cabang TVET selain mampu memberi pendapatan lumayan," katanya.

Sementara itu, pengukir ais profesional Muhammad Farhan Abd Rahim, 28, berkata usaha perlu dilakukan untuk mendedahkan kerjaya sebagai pengukir ais supaya setanding dengan seni ukiran lain seperti pengukir kayu dan logam.

Berpengalaman selama enam tahun di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, Muhammad Farhan mengakui bidang itu mempunyai cabaran tersendiri termasuk memerlukan kesabaran, perlu bekerja dalam suasana sejuk beku dan ada kalanya ukiran tidak menjadi seperti diharapkan.

"Saya percaya ramai berminat dengan seni ukiran ais tetapi tidak tahu di mana hendak belajar. Jadi, pertandingan seperti hari ini memberi pendedahan dan membolehkan mereka melihat bagaimana kemahiran melukis boleh dipindahkan ke bongkah ais untuk menjadi ukiran menarik," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

22 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | 439 PASUKAN SERTAI KEJOHANAN MALAYSIA FIRA ROBOWORLD CUP 2025

439 Pasukan Sertai Kejohanan Malaysia FIRA Roboworld Cup 2025

🕒 22/06/2025 04:14 PM



--fotoFB Politeknik.kolejkomuniti

JASIN, 22 Jun (Bernama) -- Sebanyak 1,613 peserta daripada 439 pasukan menyertai kejohanan Malaysia FIRA Roboworld Cup 2025 ke-18 yang berlangsung dari 21 hingga 26 Jun ini di Politeknik Merlimau Melaka (PMM), di sini.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Dr Shamsuri Abdullah berkata kejohanan itu membabitkan 124 institusi di seluruh negara termasuk 64 politeknik dan kolej komuniti (POLYCC), 12 institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta 48 penyertaan daripada pihak sekolah.

"Acara ini merupakan platform terbaik untuk mengetengahkan penyelesaian kreatif melalui projek inovasi robotik berimpak tinggi dan ia memperlihatkan usaha kita sedang membentuk generasi pencipta dan bukan sekadar pengguna teknologi.

"Acara ini juga bakal menyaksikan pertarungan inovasi dalam bidang robotik yang mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (AI) terkini," katanya ketika berucap merasmikan kejohanan itu malam tadi.

Mengulas lanjut, Shamsuri berkata sebanyak sembilan kategori utama dipertandingkan, iaitu Simurosot, AiBot, HuroCup, MyBot Youth, Robosot, Androsot, Air Drone, Business & Innovation dan Autonomous Car Challenge, merangkumi 25 subkategori serta lima kategori sisipan.

Kejohanan kali ini turut mendapat penyertaan antarabangsa dari Indonesia, Korea, China, Bangladesh, India dan Sudan sekali gus mengukuhkan jaringan kerjasama global dalam bidang robotik sejajar komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan JPPKK.

Juara bagi setiap kategori akan diberikan penghormatan mewakili Malaysia ke FIRA Roboworld Cup 2026 yang dijadualkan berlangsung di Kanada.

Antara aktiviti sampingan sepanjang kejohanan ialah RC Air, SumoRobot, Mini RC Soccer, Drone Soccer, FIRA Youth Robotics Symposium 2025 serta Karnival Keusahawanan dan Kelestarian Program.

-- BERNAMA


BERNAMA

23 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | LEPASAN TVET DISARAN JADI USAHAWAN, TIDAK HANYA MAKAN GAJI

Lepasan TVET Disaran Jadi Usahawan, Tidak Hanya Makan Gaji – Ahmad Maslan

🕒 23/06/2025 08:22 PM



KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Lulusan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) disaran menjadi usahawan dan tidak hanya makan gaji, kata Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan.

Beliau berkata menerusi kemahiran dan kepakaran sedia ada, mereka boleh mencipta pelbagai peluang dalam bidang keusahawanan.

"Kita tidak mahu keluaran TVET dalam pelbagai bidang ini hanya makan gaji dengan pihak swasta walaupun gajinya tinggi. Apa yang kita harapkan adalah pada mulanya mereka makan gaji dan selepas itu mereka membuka perniagaan sendiri.

"Saya ingin menekankan bahawa graduan TVET patut menjadi usahawan dan mereka boleh menjadi usahawan yang berjaya sebagai contoh bidang berkaitan elektrik," katanya dalam sidang media selepas merasmikan ASEAN TVET Friendly Match 2025 di sini hari ini.

Mengenai peruntukan tambahan RM40 juta kepada Majlis TVET Negara dan RM10 juta kepada kerajaan Melaka seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, Ahmad menyifatkan langkah itu sebagai usaha yang sangat baik untuk memperkasakan pembangunan keusahawanan TVET.

Beliau berkata kementeriannya bersama Kementerian Sumber Manusia akan memastikan peruntukan itu tidak disia-siakan malah digunakan sepenuhnya termasuk mewujudkan kurikulum keusahawanan di lokasi TVET.

Mengulas mengenai ASEAN TVET Friendly Match 2025, Ahmad berkata pertandingan yang dianjurkan buat julung kali itu melibatkan penyertaan 40 peserta belia dari 12 negara termasuk negara anggota ASEAN selain Timor Leste, China, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Korea Selatan dan Jepun.

Bertemakan "Bakat untuk Inklusiviti dan Kemampanan", pertandingan anjuran Kementerian Kerja Raya dan CIDB Malaysia itu akan bermula esok hingga Khamis di empat lokasi sekitar Kuala Lumpur melibatkan sembilan bidang kemahiran utama.

Malaysia sebagai tuan rumah akan diwakili 20 peserta muda berkemahiran tinggi daripada institusi TVET seperti Kolej Vokasional, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti dan ABM.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | JENAYAH SOSIAL REMAJA, BUKAN SOAL SALAH SIAPA TAPI APA SOLUSINYA?

Jenayah Sosial Remaja, Bukan Soal Salah Siapa Tapi Apa Solusinya?



File photo

23/06/2025 03:13 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Prof Madya Dr Khairunesa Isa

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kes jenayah sosial yang melibatkan remaja semakin kerap menghiasi tajuk berita.

Pada tahun 2024, hampir 300 kes jenayah membabitkan pelajar sekolah rendah dan menengah dicatatkan di Malaysia. Kes-kes ini termasuk pergaduhan, kecurian dan kerosakan harta benda.

Namun, angka ini bukan sekadar statistik; ia adalah cerminan realiti masyarakat yang menuntut perhatian dan tindakan bersama.

Remaja hari ini membesar dalam dunia yang penuh cabaran. Mereka berhadapan dengan tekanan akademik, pengaruh media sosial, tuntutan gaya hidup dan kekangan komunikasi dalam keluarga, yang sering kali menyebabkan mereka hilang arah.

Kes buli fizikal di asrama yang dirakam dan ditularkan di media sosial sudah menjadi perkara biasa. Isu ini menyentuh naluri kita semua kerana mangsanya bukan hanya seorang pelajar, tetapi seorang anak, adik atau jiran.

Pengaruh Media Sosial

Pengaruh media sosial yang tidak terkawal turut menyumbang kepada jenayah sosial.

Gangguan seksual melalui platform digital meningkat sebanyak 45% pada tahun lalu. Ketagihan gajet menyebabkan remaja kehilangan kemahiran berinteraksi secara sihat.

Malah, jenayah siber dalam kalangan belia meningkat lebih 35%, menunjukkan betapa longgarnya pengawasan terhadap penggunaan teknologi dalam kehidupan mereka.

Namun, dalam membincangkan punca gejala ini, kita tidak boleh hanya menuding jari. Tidak adil untuk menyalahkan guru, ibu bapa atau remaja itu sendiri.

Sebaliknya, kita harus melihat isu ini sebagai petanda bahawa sistem sokongan sosial kita perlu diperbaiki.

Remaja yang terlibat dalam jenayah sosial bukan semata-mata kerana mereka 'nakal', tetapi sering kali kerana mereka merasa tidak didengari, tidak dihargai dan hilang tempat bergantung, sesuai dengan fitrah usia mereka yang sedang mencari identiti.

Masalah Keluarga

Isu perceraian ibu bapa perlu dilihat dengan lebih adil dan berlapang dada. Perceraian bukanlah kegagalan mutlak, malah dalam sesetengah keadaan, ia mungkin satu langkah terbaik demi kesejahteraan semua pihak.

Apa yang lebih penting ialah bagaimana ibu dan bapa tetap memainkan peranan mereka selepas perpisahan berlaku.

Ramai ibu bapa selepas bercerai menjadi lebih fokus dan dekat dengan anak-anak, serta lebih bertanggungjawab dan sensitif terhadap keperluan emosi mereka.

Semua pihak mempunyai peranan besar dalam membentuk generasi muda. Ibu bapa, sebagai tiang utama pembentukan sahsiah anak, perlu meluangkan masa berkualiti bersama mereka, bukan sekadar memenuhi keperluan material, tetapi juga mendengar, memahami dan membimbing dengan kasih sayang.

Peranan Institusi Pendidikan

Sekolah atau institusi pengajian tinggi pula bukan hanya tempat untuk mengejar akademik, tetapi juga medan untuk membentuk jati diri dan sahsiah remaja melalui bimbingan, kaunseling serta aktiviti ko-kurikulum yang membina.

Manakala, guru atau pensyarah, yang sering dikait sebagai pengganti ibu bapa di luar rumah, mempunyai tanggungjawab besar dalam membimbing remaja agar mereka dapat mengenal diri, mengurus emosi dan membina nilai-nilai positif untuk masa depan mereka.

Dengan sinergi antara ibu bapa, pendidik dan masyarakat, kita dapat memastikan remaja tidak hanya berjaya dalam akademik, tetapi juga bersedia menghadapi cabaran hidup dengan keyakinan dan kesedaran.

Peranan Komuniti

Sebagai salah satu elemen dalam sistem sokongan masyarakat, komuniti juga perlu memainkan peranan aktif.

Program belia, kegiatan sukan, seni dan sukarelawan boleh menjadi saluran positif untuk remaja membina jati diri.

Di samping itu, pendidikan literasi digital perlu diperluas agar generasi muda lebih bijak menilai maklumat dan mengawal tingkah laku atas talian mereka.

Jenayah sosial remaja bukan sekadar masalah anak muda, tetapi juga refleksi ketidakseimbangan dalam ekosistem masyarakat kita.

Kita tidak seharusnya melihat remaja yang bermasalah sebagai beban, tetapi sebagai individu yang sedang mencari bantuan, panduan dan bimbingan.

Perubahan hanya akan berlaku jika kita semua mengambil tanggungjawab bersama dan bukan sekadar melihat, tetapi bertindak. Apa yang jelas, remaja adalah aset dan masa depan negara. Mari kita bentuk mereka, bukan hukum mereka.

-- BERNAMA

BERNAMA

24 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | USAHA BANTERAS MASALAH BULI DALAM PELAJAR HARUS DITERUSKAN



24/06/2025 11:32 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Dr Muzaffar Syah Mallow

Buli dalam kalangan pelajar merupakan masalah yang serius yang tidak boleh diambil mudah. Salah laku buli harus dibendung pada peringkat awal.

Pada 28 Februari 2025, enam bekas penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) terlepas daripada hukuman mati selepas Mahkamah Persekutuan mengetepikan hukuman itu dan mengekalkan hukuman penjara 18 tahun kerana menyebabkan kematian tanpa niat Pegawai Kadet Laut Zulfarhan Osman Zulkarnain, lapan tahun lepas.

Panel tiga hakim memutuskan demikian selepas membenarkan rayuan kesemua lelaki itu untuk mengetepikan sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan.

Setiap keputusan mahkamah perlu dihormati oleh semua pihak. Sudah pasti segala keputusan yang telah diputuskan adalah bersandarkan lunas undang – undang negara.

Pada 23 Julai tahun lepas, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap enam bekas penuntut UPNM itu kerana membunuh Zulfarhan, selepas membenarkan rayuan silang pendakwaan bagi menghidupkan semula kesalahan bunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dihadapi mereka sebelum ini.

Adalah diharapkan sebarang keputusan yang diputuskan tidak menjejaskan usaha kita membenters kejadian buli yang berlaku dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan negara.

Usaha membentaras isu buli harus diteruskan. Isu buli ini perlu diatasi dengan segera sebelum ia menjadi lebih serius hingga boleh melibatkan kecederaan parah atau kehilangan nyawa ramai pihak.

Persoalan harus dilontarkan, kenapa kejadian buli ini dilihat masih berlaku di dalam institusi pendidikan negara sama ada diperingkat sekolah ataupun diperingkat universiti?

Keadaan ini menyebabkan seluruh anggota masyarakat semakin gusar terutamanya golongan ibu bapa dan penjaga.

Apa Itu Buli

Penting untuk kita ketahui definisi buli itu dulu. Apakah itu buli?

Buli membawa maksud kegiatan seperti memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk, memaki dan sebagainya yang dilakukan oleh pelaku atau pembuli terhadap pemangsanya.

Buli boleh dilakukan sekali atau banyak kali terhadap diri mangsa. Pelbagai faktor boleh diambil kira mempengaruhi seorang pelajar untuk terlibat di dalam gejala buli ini.

Antara yang utama ialah latar belakang keluarga pembuli terbabit yang bermasalah, pengaruh negatif dari rakan sebaya, kurangnya aspek pendidikan moral dan agama, pembuli hadapi masalah mental atau emosi yang tidak stabil, persekitaran ataupun suasana di sekolah atau universiti yang tidak kondusif serta pengaruh buruk yang datang dari internet.

Dalam mengatasi masalah buli di semua sektor pendidikan dalam negara kita, pihak pengurusan sekolah dan universiti perlu mainkan peranan yang penting bagi membendungnya.

Ini adalah kerana kejadian terbabit berlaku di dalam kawasan dan di dalam waktu pengawasan mereka. Oleh yang demikian, pihak pengurusan sekolah dan universiti lebih ketahui masalah yang buli berlaku berbanding dengan orang lain.

Tanggungjawab Sekolah dan IPT

Bagi mengatasi masalah buli ini, pihak pengurusan sekolah dan universiti perlu tampil berani terlebih dulu mengakui bahawa masalah buli ini memang wujud dan ia sudah mula menyebabkan kerisauan dalam kalangan para pelajar, ibu bapa serta penjaga.

Seseorang pelajar yang menjadi mangsa buli atau saksi kepada kegiatan tersebut tidak akan tampil membuat aduan kepada pihak pengurusan sekiranya mereka merasakan cerita mereka tidak akan dipercayai.

Tambahan pula, mereka mungkin berasa takut untuk berkongsi maklumat jika tiada jaminan perlindungan atau penyelesaian diberikan sekiranya mereka berani tampil ke hadapan.

Oleh itu, pihak pengurusan sekolah dan universiti perlu mengambil pelbagai inisiatif bagi mendapatkan maklumat mengenai segala kegiatan buli yang berlaku di kawasan masing – masing, sama ada kegiatan buli yang berlaku dalam bentuk psikologi mahupun fizikal.

Semua sekolah dan universiti di dalam negara ini perlu mempunyai peraturan yang jelas berkaitan dengan isu buli ini.

Segala peraturan yang berkaitan hendaklah diuar-uarkan dengan jelas dan berterusan kepada semua pihak yang terlibat, bukan sekadar disampaikan pada permulaan tahun sewaktu pembukaan sesi persekolahan atau semasa majlis suai kenal di institusi pengajian tinggi.

Pihak pengurusan sekolah dan universiti juga digalakkan menampal poster anti buli di dalam sekolah dan kampus universiti masing – masing serta mengedarkan risalah anti buli kepada setiap pelajar untuk dibaca bersama dengan pihak ibu bapa atau penjaga.

Setiap maklumat yang terkandung dalam poster dan risalah yang diedarkan hendaklah merangkumi definisi serta kategori buli, panduan mudah untuk menangani insiden buli, dan yang paling penting, talian kecemasan yang boleh dihubungi oleh pelajar yang berdepan dengan masalah buli.

Undang-undang Baharu Tangani Kes Buli

Pihak kerajaan juga perlu memberi pertimbangan untuk mewujudkan sebuah kerangka undang-undang baharu khusus bagi atasi masalah buli di negara ini.

Sebarang usaha yang diambil tanpa disokong oleh peruntukan undang-undang yang berkesan tidak akan membawa kesan yang positif.

Bagi membendung kegiatan buli daripada terus berlaku, khususnya di sektor pendidikan seperti sekolah dan universiti, pihak kerajaan boleh meminda peruntukan undang-undang sedia ada seperti *Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]*, atau menggubal satu undang-undang baharu yang khusus, seperti *Akta Anti-Buli*.

Kerajaan juga boleh merujuk kepada peruntukan undang-undang berkaitan buli yang diguna pakai di negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat sebagai rujukan.

Dengan adanya peruntukan undang-undang yang khusus, semua pihak dalam negara akan lebih serius menangani isu buli dan akan lebih berhati-hati agar tidak terjebak dalam sebarang bentuk kegiatan buli.

Undang-undang ini juga dapat memastikan setiap institusi memiliki polisi anti-buli yang jelas, seragam dan bersesuaian dengan konteks tempatan.

Tambahan pula, hukuman yang setimpal dapat dikenakan terhadap mana-mana individu yang didapati bersalah melakukan kesalahan buli atau gagal mengambil langkah sewajarnya untuk membendungnya.

Isu buli tidak boleh dipandang sebelah mata atau hanya diberi perhatian apabila berlakunya insiden yang mendapat liputan meluas.

Ia memerlukan komitmen berterusan daripada semua pihak termasuk pensyarah, guru, ibu bapa dan pelajar itu sendiri untuk memastikan institusi pendidikan di negara ini kekal sebagai gedung ilmu, bukan tempat melahirkan generasi yang agresif atau berperangai samseng.

Perbuatan membuli, sama ada atas alasan untuk berseronok mahupun kerana perasaan benci, tidak sepatutnya menjadi amalan biasa atau budaya yang meracuni institusi pendidikan negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

25 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | GRADUAN MUDA PERLU CIPTA PELUANG, BUKAN HANYA MENUNGGU

Graduan Muda Perlu Cipta Peluang, Bukan Hanya Menunggu



File photo

25/06/2025 03:54 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Dr Anim Zalina Azizan

Dalam dunia yang semakin kompleks dan berdaya saing hari ini, graduan muda Malaysia tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada peluang pekerjaan tradisional.

Lanskap ekonomi dan sosial telah berubah dengan ketara akibat kemajuan teknologi, globalisasi, serta cabaran-cabaran baharu seperti automasi dan kecerdasan buatan.

Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan semakin sengit, dan peluang yang dahulu terbuka luas kini semakin terhad.

Justeru, sudah tiba masanya graduan muda mengubah paradigma – dari sekadar menunggu peluang kepada mencipta peluang. Inilah masanya untuk beralih daripada minda pekerja kepada jiwa pencipta.

Meneliti Realiti Pasaran Kerja

Statistik terkini menunjukkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia masih membimbangkan, walaupun terdapat pelbagai inisiatif kerajaan dan sektor swasta untuk membantu golongan ini.

Ramai graduan masih cenderung memilih laluan kerjaya konvensional, seperti menjadi penjawat awam atau bekerja di syarikat besar, tanpa menyedari bahawa peluang sebenar kini lebih luas dan pelbagai.

Malangnya, sikap menunggu dan bergantung kepada sistem sedia ada menyebabkan ramai yang terlepas peluang untuk mencipta sesuatu yang baharu dan memberi impak kepada masyarakat.

Inovasi: Kunci masa depan graduan

Inovasi bukan sekadar mencipta produk atau teknologi baharu, tetapi juga melibatkan cara berfikir yang kreatif, berani mengambil risiko, dan sentiasa mencari penyelesaian kepada masalah.

Dalam konteks graduan muda, inovasi bermaksud keberanian untuk meneroka bidang baharu, mencipta perniagaan sendiri, atau memperkenalkan pendekatan baharu dalam organisasi sedia ada.

Graduan yang berjiwa pencipta tidak akan menunggu peluang datang, sebaliknya mereka akan mencipta peluang untuk diri sendiri dan orang lain.

Sebagai contoh, lihatlah bagaimana pandemik Covid-19 telah mempercepatkan transformasi digital.

Ramai graduan yang kehilangan pekerjaan telah beralih kepada perniagaan atas talian, menawarkan perkhidmatan digital, atau mencipta aplikasi yang membantu masyarakat.

Mereka yang berani mencuba dan berinovasi akhirnya mampu bertahan dan berjaya, manakala yang hanya menunggu peluang pekerjaan tradisional terus terpinggir.

Kebaikan Penciptaan Inovasi

1. Menjana peluang pekerjaan baharu

Inovasi membuka ruang kepada penciptaan peluang pekerjaan baharu yang tidak wujud sebelum ini.

Sebagai contoh, ledakan ekonomi gig dan keusahawanan digital telah melahirkan ribuan peluang pekerjaan dalam bidang seperti pemasaran digital, pembangunan aplikasi, dan perkhidmatan penghantaran.

Graduan yang berani mencipta perniagaan sendiri bukan sahaja membuka peluang untuk diri sendiri, malah membantu mewujudkan pekerjaan untuk orang lain.

2. Meningkatkan daya saing negara

Negara yang mempunyai ramai individu berjiwa pencipta akan lebih berdaya saing di peringkat global.

Inovasi membolehkan Malaysia menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi, seterusnya menarik pelaburan asing dan memperkukuh ekonomi.

Graduan yang berinovasi juga mampu membawa nama negara ke persada antarabangsa, seperti kejayaan syarikat-syarikat start-up tempatan yang kini dikenali di seluruh dunia.

3. Menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar

Inovasi bukan sahaja memberi manfaat ekonomi, malah mampu menyelesaikan pelbagai masalah sosial dan alam sekitar.

Sebagai contoh, pertandingan inovasi bertemakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang dianjurkan di universiti-universiti tempatan telah melahirkan ramai graduan yang mencipta penyelesaian kepada isu seperti pencemaran, kemiskinan dan pendidikan.

Inovasi dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa, dan teknologi hijau membuktikan graduan mampu menjadi agen perubahan yang membawa impak positif kepada masyarakat.

4. Memperkukuh jati diri dan keyakinan diri

Graduan yang berani mencipta peluang akan menjadi lebih yakin, berdikari dan berdaya tahan.

Mereka tidak mudah putus asa apabila berdepan kegagalan, sebaliknya menjadikan setiap cabaran sebagai peluang untuk belajar dan memperbaiki diri. Sikap ini sangat penting dalam dunia yang sentiasa berubah dan tidak menentu.

Kisah Inspirasi: Graduan UMK dan 'Moktey'

Kisah kejayaan graduan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Nur Amira, yang berjaya mencipta produk 'Moktey' dan menembusi pasaran Amerika Syarikat, adalah contoh terbaik bagaimana inovasi mampu mengubah nasib seseorang.

Pada mulanya, beliau menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan modal dan pengalaman, namun dengan semangat inovasi dan bimbingan universiti, beliau akhirnya berjaya mencipta peluang untuk dirinya sendiri dan membuka peluang pekerjaan kepada orang lain.

Kisah ini membuktikan bahawa graduan muda tidak perlu menunggu peluang, sebaliknya boleh mencipta kejayaan dengan keberanian dan kreativiti.

Cabaran dan jalan penyelesaian

Tidak dinafikan, perjalanan untuk menjadi pencipta bukanlah mudah. Graduan perlu berdepan pelbagai cabaran seperti kekurangan modal, kekangan pasaran, dan risiko kegagalan.

Namun, cabaran ini boleh diatasi dengan sokongan daripada pelbagai pihak. Institusi pendidikan perlu memperkukuh budaya inovasi melalui kurikulum yang menekankan kemahiran insaniah, pemikiran kritis dan keusahawanan.

Kerajaan dan sektor swasta pula perlu menyediakan lebih banyak program bimbingan, dana permulaan dan platform untuk graduan mempamerkan hasil inovasi mereka.

Graduan juga perlu proaktif mencari peluang untuk menambah ilmu dan kemahiran, sama ada melalui kursus dalam talian, penyertaan dalam pertandingan inovasi atau kolaborasi dengan industri.

Sikap terbuka untuk belajar dan beradaptasi dengan perubahan adalah kunci kejayaan dalam dunia yang serba pantas ini.

Kesimpulannya, sudah tiba masanya graduan muda Malaysia meninggalkan mentaliti menunggu peluang dan beralih kepada mencipta peluang.

Dunia hari ini menuntut graduan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga kreatif, inovatif, dan berani mengambil risiko.

Dengan memupuk jiwa pencipta, graduan bukan sahaja mampu mengubah nasib sendiri, malah menjadi agen perubahan yang membawa manfaat kepada masyarakat dan negara.

Masa depan bukan untuk mereka yang menunggu, tetapi untuk mereka yang berani mencipta. Jadilah generasi pencipta, kerana hanya dengan mencipta, kita mampu membina masa depan yang lebih gemilang.

-- Bernama

BERNAMA

25 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | UIS PERKASA PELAJAR ERA DIGITAL, SASAR JADI UNIVERSITI WAKAF PERTAMA NEGARA

UIS Perkasa Pelajar Era Digital, Sasar Jadi Universiti Wakaf Pertama Negara

🕒 25/06/2025 05:41 PM



KAJANG, 25 Jun (Bernama) -- Universiti Islam Selangor (UIS) terus memacu transformasi digital dan pendidikan berteraskan nilai Islam dengan melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan, selaras keperluan pasaran kerja masa kini.

Naib Canselor UIS Datuk Prof Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata antara usaha utama termasuk pelaksanaan Pembelajaran Digital Dalam Talian, program Kelayakan Mikro serta penaiktarafan sistem pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi.

"Baru-baru ini, kita telah menaik taraf 11 makmal dengan kelengkapan komputer dan perisian terkini, termasuk membina studio dan bilik konti khusus bagi pelajar program komunikasi serta media menjalani latihan seperti dalam industri sebenar," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Mohd Farid Ravi berkata pendekatan UIS menggabungkan ilmu moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan keselamatan siber dengan nilai-nilai Islam bertujuan melahirkan graduan seimbang yang mampu menyampaikan ilmu, berdakwah dan menyumbang kepada masyarakat secara relevan.

UIS kini menawarkan lebih 79 program pengajian peringkat asasi hingga doktor falsafah melalui enam fakulti utama termasuk Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Fakulti Ekonomi Perakaunan dan Pengurusan serta Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran.

Mohd Farid Ravi berkata UIS yang juga institusi pengajian tinggi milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bakal dimasyhurkan secara rasmi oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 19 Julai ini, manakala Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin akan dimasyhurkan sebagai Canselor universiti berkenaan.

"Perkenan Tuanku satu penghormatan besar dan mengangkat imej UIS sebagai pilihan utama anak-anak Selangor melanjutkan pengajian," katanya.

Dalam memperluas capaian antarabangsa, Mohd Farid Ravi berkata UIS menjalin lebih 55 kerjasama strategik dengan institusi dalam dan luar negara serta merancang membangunkan kemudahan pascasiswazah di tanah seluas 13 hektar di Cyberjaya yang dikurniakan Sultan Selangor.

UIS turut menyasarkan untuk menjadikan universiti wakaf pertama di Malaysia dan memperkukuh peranan selaku universiti keusahawanan dengan memberi tumpuan ke arah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), industri halal serta pendidikan tahfiz.

"Kami menyambut seruan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk melahirkan seribu pelajar tahfiz di peringkat Kemas yang memerlukan latihan berkaitan," katanya.

Ditubuhkan sebagai Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 1995, UIS dinaik taraf sebagai universiti penuh pada Oktober 2022.

-- BERNAMA

BERNAMA

26 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | KONSEP KOTA MADANI CONTOH PEMBANGUNAN BANDAR SELURUH NEGARA

Konsep Kota MADANI Contoh Pembangunan Bandar Seluruh Negara – PM Anwar

🕒 26/06/2025 12:48 PM



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat replika projek Kota MADANI pada Majlis Perasmian Projek Pembangunan Kota MADANI di Presint 19 hari ini. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pembangunan Kota MADANI di Presint 19 di sini dijadikan contoh teladan bagi pelaksanaan pembangunan bandar di seluruh negara.

Beliau berkata pembangunan itu tidak seharusnya ditentukan sepenuhnya oleh pemaju semata-mata, sebaliknya perlu dirancang menerusi pendekatan menyeluruh yang menekankan aspek kesejahteraan rakyat.

Menurut beliau, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu berhenti bergantung sepenuhnya kepada cadangan pemaju, sebaliknya memainkan peranan utama dalam merancang pembangunan bandar yang menitikberatkan elemen budaya, nilai kemanusiaan dan kualiti hidup.

"Jangan hanya tunduk kepada pemaju. Kitalah yang sepatutnya merancang, manakala pemaju hanya berperanan memberi pandangan untuk penambahbaikan.

"Jangan biarkan sesuatu projek ditentukan sepenuhnya oleh syarikat pemaju, kerana lazimnya mereka hanya memberi saranan berdasarkan kepentingan keuntungan semata-mata," katanya ketika berucap pada majlis perasmian projek pembangunan Kota MADANI di Presint 19, di sini hari ini.

Anwar menegaskan syarikat pemaju perlu memenuhi prinsip dan keperluan rakyat, meskipun realitinya tiada pemaju yang akan melaksanakan projek bernilai RM4 bilion tanpa mengambil kira keuntungan.

Beliau berkata pelaksanaan projek pembangunan Kota MADANI dapat dipercepatkan kerana ia melibatkan tanah milik kerajaan dan diselaraskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

"Mesyuarat Jemaah Menteri semalam masih membincangkan mengenai Kota MADANI kerana jika kita lihat secara terperinci, keutamaan adalah untuk penjawat awam. Kita mahu mereka bekerja dalam keadaan yang selesa dan memiliki jaminan perumahan," katanya.

Anwar turut mengulas pandangan sesetengah pihak yang mempersoalkan keperluan membangunkan projek baharu sedangkan terdapat projek lama yang masih belum disiapkan.

"Ada yang kritik...mengapa bangunkan projek baharu, sedangkan banyak projek lama masih tersadai," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa projek-projek lama juga sedang diselesaikan secara progresif, dengan kadar kemajuan antara 96 hingga 98 peratus siap, manakala pembinaan projek baharu seperti Kota MADANI adalah untuk memenuhi keperluan mendesak semasa, termasuk penjawat awam.

"Bagi projek yang akan datang ini, fasa pertama melibatkan 3,000 unit. Fasa kedua pun saya sudah beritahu kepada Datuk Fadlun Mak Ujud (Presiden Perbadanan Putrajaya), cepatkanlah. Jangan sampai empat atau lima tahun lagi. Penjawat awam tak sabar, Perdana Menteri pun tak sabar," katanya.

Kota MADANI bakal merangkumi 10,000 unit kuarters kediaman berintensiti tinggi yang mampu menampung lebih 30,000 penduduk, sekolah menegak serta pelbagai kemudahan awam.

Pembangunan itu dirangka dengan integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI), infrastruktur digital pintar dan sistem mobiliti hijau.

Kemudahan lain yang dirancang termasuk institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sekolah, klinik kesihatan, balai bomba, balai polis, masjid, institusi kewangan serta reka bentuk berunsur budaya tempatan bagi mengekalkan warisan seni bina.

Fasa pertama pembangunan dijangka bermula pada September ini dan siap menjelang akhir 2027.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

-- BERNAMA

BERNAMA

27 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | PERAK MAHU PERKUKUH TVET DALAM KULINARI, JANA EKONOMI NEGERI

Perak Mahu Perkukuh TVET Dalam Kulinari, Jana Ekonomi Negeri- Saarani

🕒 27/06/2025 04:42 PM



IPOH, 27 Jun (Bernama) -- Kerajaan Perak mahu memperkukuh sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan dan Vokasional (TVET) terutama dalam bidang kulinari yang dilihat mampu menjanjikan pendapatan lumayan kepada anak tempatan.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata peranan TVET dalam industri kulinari kini semakin penting kerana masakan bukan lagi dilihat sebagai kemahiran teknikal tetapi satu bentuk seni dan inovasi yang mempunyai nilai ekonomi tinggi.

"Secara kebetulan kita di Perak ini sedang melancarkan program TVET secara besar-besaran dan satu daripadanya ialah bidang kulinari...saya selalu sebut jangan pandang rendah kepada bidang kulinari kerana terbukti (kerjaya) chef ini mempunyai pendapatan lumayan serta kedudukan yang dihormati.

"Di televisyen banyak menunjukkan (program masakan) dan orang Malaysia sangat suka melihat rancangan 'Master Chef', dan hari ini pula kita bawa ke Perak Pertandingan Malaysia Culinary World Cup Tahun 2025 (MCWC 2025)," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian pertandingan itu di sini hari ini.

Beliau berkata bidang kulinari kini bukan setakat masakan dan persembahan tetapi berkaitan dengan keupayaan, kreativiti dan inovasi, oleh itu Perak tampil dengan kekuatan tersendiri tidak hanya menjadi lokasi tetapi turut menyediakan ekosistem latihan kemahiran yang tersusun melalui rangkaian hab TVET yang luas dan berdaya saing.

Saarani berkata penganjuran acara itu di Perak adalah langkah tepat dalam memperkasakan industri kulinari dan menyokong aspirasi menjadikan negeri ini sebagai Koridor TVET Negara seperti yang digariskan dalam agenda Perak Sejahtera 2030.

Terdahulu, beliau merasmikan MCWC 2025 yang julung kali diadakan di Perak melibatkan kira-kira 800 peserta dari 16 negara, dengan 65 kategori dipertandingkan.

-- BERNAMA

BERNAMA

28 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET PERTANIAN CECAH 81.23 PERATUS

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Pertanian Cecah 81.23 Peratus – Mohamad Sabu

🕒 28/06/2025 04:50 PM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (kiri) melawat reruai jualan selepas merasmikan Karnival TVET Pertanian @KPKM 2025 di sini hari ini. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

SHAH ALAM, 28 Jun (Bernama) -- Kadar kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meningkat kepada 81.23 peratus pada tahun lepas, berbanding 78.1 peratus pada 2023.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata walaupun masih di bawah purata nasional, TVET Pertanian kekal menunjukkan tren peningkatan sejak lima lepas.

Beliau berkata seiring Revolusi Industri 4.0, sektor pertanian menuntut pendekatan baharu untuk meningkatkan produktiviti, khususnya melalui teknologi robotik internet kebendaan (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) bagi membantu petani meningkatkan produktiviti dengan sumber yang minimum.

"Pertanian moden bukan lagi tentang cangkul dan tanah semata-mata tetapi saya pasti pelajar-pelajar TVET faham ia adalah mengenai teknologi tinggi, automasi, dron, termasuk pertanian pintar demi jaminan masa hadapan.

"Oleh itu, TVET dilihat sebagai pemangkin dan memainkan peranan penting bagi melahirkan bakat muda yang bukan sahaja mahir dalam aspek teori, tetapi yang utama cekap dalam aplikasi praktikal," katanya ketika berucap pada Karnival TVET Pertanian@KPKM di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohamad berkata bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), kadar kebolehpasaran graduan yang tertinggi adalah dalam bidang poltri iaitu sebanyak 100 peratus diikuti bidang ruminan dan bidang penyelenggaraan jentera kecil pertanian dengan masing-masing 93.2 peratus dan 92.3 peratus.

Beliau berkata terdapat dua bidang yang mempunyai kadar kebolehpasaran yang sama, pada kadar 91.7 peratus iaitu bidang perikanan tangkapan dan pengeluaran padi.

"Setakat ini, kementerian ini menghasilkan 25,783 graduan terlatih sejak Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dimulakan pada 1969.

"Kita harap dengan pertambahan jumlah tenaga mahir dalam bidang ini, kita dapat mempertingkatkan daya saing industri agromakanan negara di pasaran global dan seterusnya menjamin kelangsungan bekalan makanan negara," katanya.

Karnival TVET Pertanian@KPKM menghimpunkan 460 pelajar TVET Pertanian serta lebih 200 warga kerja daripada 16 institut latihan TVET pertanian seluruh negara dengan 45 inovasi baharu turut diperkenalkan.

-- BERNAMA

BERNAMA

30 JUN 2025

BERNAMA ONLINE | AKADEMI VOKASIONAL MCDONALD'S MALAYSIA TAWAR AKSES PENDIDIKAN RELEVAN

Akademi Vokasional McDonald's Malaysia Tawar Akses Pendidikan Relevan

🕒 01/07/2025 10:24 AM



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang (tengah) bergambar pada Majlis Konvokesyen Kali ke- 5 Akademi Vokasional McDonald's Malaysia di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), Shah Alam hari ini.

SHAH ALAM, 30 Jun (Bernama) -- Program Perantis Vokasional McDonald's Malaysia yang menyediakan akses pendidikan relevan dan berdaya saing untuk golongan muda adalah selari dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) diperkenalkan kerajaan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Rubiah Wang berkata menerusi program ditawarkan Akademi Vokasional McDonald's Malaysia itu, belia lepasan tingkatan tiga bukan sahaja berpeluang memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) malah boleh melanjutkan pengajian tanpa menanggung bebanan kewangan.

Beliau berkata lebih 80 peratus daripada 5,000 graduan lepasan akademi berkenaan yang dibuka pada 2018 telah diserap bekerja di rangkaian syarikat perkhidmatan makanan global berkenaan di seluruh negara manakala selebihnya memilih bekerja di syarikat yang relevan, menyambung pengajian dan membuka perniagaan sendiri.

"Ini adalah bukti pengiktirafan terhadap model kerjasama kerajaan-industri, sejajar dengan matlamat besar negara untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran, berkualiti dan berdaya saing.

"Pendekatan ini juga sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memastikan setiap anak muda mempunyai akses kepada pendidikan yang relevan dan boleh dipasarkan dan pada masa sama memperkuat jaringan kerjasama antara institusi latihan dan industri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Kali Kelima Akademi Vokasional McDonald's yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Wong Kah Woh serta Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia Datuk Azmir Jaafar.

Sebanyak 1,150 graduan menerima SKM Tahap Tiga dan DKM Tahap Empat pada majlis tersebut.

Rubiah turut menyeru lebih banyak syarikat dan majikan untuk tampil memainkan peranan lebih besar dalam menyokong sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara, sama ada melalui program perantis, pelaburan dalam akademi korporat atau pemindahan teknologi.

Beliau berkata model kerjasama yang inklusif dan mampan antara kerajaan, institusi latihan dan industri merupakan kunci bagi memastikan negara tidak hanya memiliki tenaga kerja mencukupi tetapi benar-benar bersedia untuk ekonomi masa hadapan.

"Setakat 2024, kadar kebolehpasaran graduan TVET telah mencapai 95.1 peratus, dan ia membuktikan bahawa laluan ini semakin mendapat tempat dalam kalangan majikan," katanya.

Sementara itu, Azmir berkata sepanjang tempoh 18 bulan pengajian, perantis akademi ditaja sepenuhnya oleh McDonald's Malaysia merangkumi elaun bulanan, kemudahan tempat tinggal, makan minum, faedah insurans dan perubatan termasuk sumbangan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Beliau berkata secara keseluruhan, McDonald's Malaysia membelanjakan sekitar RM40,000 untuk seorang perantis sepanjang mengikuti program itu selain mereka juga tidak terikat dengan sebarang kontrak perkhidmatan selepas tamat belajar.

"Kami bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri dan masuk ke kampung-kampung bagi mencari asnaf dan anak yatim untuk diberi peluang meningkatkan potensi diri dan kerjaya. Mereka yang menjadi perantis diberikan elaun RM1,700 sebulan sebagaimana kadar gaji minimum yang ditetapkan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA